

Analisis Isu Perkahwinan dalam kalangan Pasangan Melayu di Kuching, Sarawak Sepanjang Tahun 2018-2020

(Analysis of Marital Issues Among Malay Couples in Kuching, Sarawak Throughout 2018-2020)

Safura Binti Ahmad Sharkawi^{1*}, Jamayah Binti Saili²

¹Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Kuching, Sarawak, Malaysia.

Email: safuraahmadsharkawi@gmail.com

²Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Kuching, Sarawak, Malaysia.

Email: sjamayah@unimas.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Safura Binti Ahmad Sharkawi
(safuraahmadsharkawi@gmail.com)

KATA KUNCI:

Perceraian
Isu perkahwinan
Masyarakat Melayu
Islam
Sarawak

KEYWORDS:

Divorce
Marital issues
Malay community
Islam
Sarawak

CITATION:

Safura Ahmad Sharkawi & Jamayah Saili. (2022). Analisis Isu Perkahwinan dalam kalangan Pasangan Melayu di Kuching, Sarawak Sepanjang Tahun 2018-2020. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001610. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1610>

ABSTRAK

Artikel ni bertujuan untuk menganalisis isu perkahwinan yang berlaku dalam kalangan pasangan Melayu Islam di Kuching Sarawak dari tahun 2018 hingga 2020. Metod kajian yang digunakan adalah analisis kandungan dari data sekunder yang diperolehi dari statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga di Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling di Unit Khidmat Nasihat dan Kaunseling, Jabatan Agama Islam Sarawak. Terdapat 4 tema utama diperolehi hasil dari kajian ini. Kesemua tema ini menggambarkan corak perkahwinan yang bermasalah yang berlaku dalam kalangan pasangan Melayu Islam di Kuching, Sarawak. Fokus perlu diberikan kepada proses interaksi suami isteri dalam pengurusan konflik, kemahiran berbincang menangani masalah dalam perkahwinan dan juga kepentingan menjalankan peranan serta tanggungjawab berumah tangga. Adalah disyorkan kepada pihak berkuasa untuk menganjurkan program peningkatan kemahiran perkahwinan, peranan dan tanggungjawab perkahwinan dan pengenalan kepada perundangan yang berkaitan kepada masyarakat setempat terutamanya pasangan yang baru berkahwin dan juga penumpuan kepada aspek daya tindak serta pendekatan positif menangani masalah perkahwinan semasa melakukan intervensi dalam sesi kaunseling perkahwinan kepada pasangan.

ABSTRACT

This article aims to analyse the marital issues among Malay couples in Kuching Sarawak. The research method used is content analysis from secondary statistical data on Pengaduan Masalah Rumahtangga reported at Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling from 2018 to 2020. The study found that there are 4 main themes in marital issues among Malay couples in Kuching Sarawak. Therefore, it is

recommended to the authorities to organize the relevant marital programmes that helps couples in improving their marriage skills, roles and responsibilities in marriage. An emphasis should be given to negotiation skills, conflict management, coping mechanism and problem-solving skills. Couples also need to be guided in exercising their conjugal role and responsibilities accordingly during the counselling sessions. Focus should be given to the conflict management process, negotiation skills in coping with marital problems and the importance of carrying out marital roles and responsibilities

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbang kepada literatur sedia ada berhubung perkembangan isu-isu perkahwinan yang berlaku di Sarawak secara khususnya bagi membolehkan perancangan sosial dilakukan oleh pihak berwajib.

1. Pengenalan

Dalam Islam, perkahwinan merupakan ikatan yang sah dan diiktiraf dan menjadikan hubungan lelaki dan perempuan diterima sebagai suatu yang dibenarkan (Musthapar et al., 2020). Perkahwinan membolehkan pasangan tinggal bersama, melakukan hubungan seksual dan mempunyai anak-anak yang sah dari hubungan tersebut. Perkahwinan membolehkan interaksi dan komunikasi intim berlaku semaksimal mungkin dan proses ini memberi kesan kepada kualiti dan kepuasan perkahwinan

Perkahwinan juga adalah proses interaksi berterusan antara dua individu yang mempunyai latar belakang berbeza (Becker, 1974). Kemahiran dan aspek personaliti pasangan saling berinteraksi dalam usaha mereka membina keserasian, berkongsi impian, harapan dan perancangan masa depan, berbincang dalam membuat keputusan, berkomunikasi dalam mendepani stres dan konflik serta cabaran luar seperti masalah kewangan, pengurusan anak-anak, hubungan dengan keluarga mertua, masalah kerja dan sebagainya (O'Meara & South, 2019; Razak et al., 2015; Liana Mat Nayan et al., 2016)

Mengalami masalah dalam rumah tangga adalah suatu yang normal bagi setiap perkahwinan. Banyak kajian lalu dalam konteks Malaysia dilakukan berhubung dengan isu, permasalahan dalam perkahwinan dan juga perceraian (Ahmad, 1996; Hamid & Amin, 2014; Jones, 2021; Ng et al., 2009; Randawar & Jayabalan, 2018; Shuib et al., 2013; Yusof & Duasa, 2010). Namun belum lagi ada kajian yang menganalisis berhubung isu perkahwinan di Sarawak. Sehubungan itu, kajian ini secara khusus menganalisis isu perkahwinan yang sering dilalui oleh pasangan Melayu di Kuching, Sarawak berdasarkan kepada data statistik yang diperoleh dari Jabatan Agama Islam Sarawak (2020).

1.1. Pernyataan Masalah

Umum mengetahui setiap perkahwinan berpotensi untuk berdepan dengan cabaran dan masalah. Ianya timbul akibat dari sikap dan tingkah laku pasangan sendiri ataupun proses interaksi pasangan sepanjang usaha menangani isu-isu dalam perkahwinan mereka. Pasangan mengalami pasang surut dari segi kepuasan perkahwinan dengan keadaan yang berbeza (Anderson et al., 2010; Birditt et al., 2012; Lavner & Bradbury, 2010). Namun begitu, tidak semua perkahwinan berakhir dengan perceraian. Ini banyak bergantung kepada aspek personaliti (O'Meara & South, 2019), kualiti hubungan (He et

al., 2018), faktor persekitaran yang menjadi penggalak atau penghalang kepada perceraian (Alesia Hanzal, 2008) dan juga daya tindak pasangan itu sendiri.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengenal pasti sepuluh masalah perkahwinan utama yang menjejaskan institusi perkahwinan Islam di Malaysia: (1) tidak bertanggungjawab; (2) landasan Islam yang lemah; (3) gangguan pihak ketiga; (4) perbezaan budaya; (5) masalah seksual; (6) krisis kewangan; (7) dilema kerjaya; (8) masalah kesihatan; (9) kerosakan moral; dan (10) halangan komunikasi (Nor Zatu Amni et al., 2019). Peningkatan kadar perceraian ini juga dikaitkan dengan perubahan jangkaan terhadap perkahwinan, konflik rumah tangga dan juga peningkatan kadar wanita bekerja di luar rumah. Selain itu, JAKIM juga mendapati 21.0 peratus perceraian berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pasangan suami isteri manakala 19.2 peratus pula berpunca daripada ketidakserasian (Musthapar et al., 2020).

Masalah perkahwinan yang direkodkan dalam statistik di Pejabat Agama Islam Negeri berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain sama ada dari segi pengkategorian punca permasalahan yang biasa berlaku dalam masyarakat negeri tersebut. Sebagai institusi yang bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal perkahwinan dan perceraian (NCR) masyarakat Islam, Jabatan Agama Islam Negeri bertanggungjawab menerima pengaduan masalah rumah tangga dari pasangan suami isteri di negeri masing-masing dan seterusnya menyediakan perkhidmatan runding cara, khidmat nasihat ataupun khidmat kaunseling.

Pengkategorian yang dilakukan oleh pihak berwajib mempunyai kaitan rapat dengan jenis aduan yang dilakukan oleh pasangan suami isteri ke pejabat agama. Ia menjadi sebahagian dari prosedur untuk membuat permohonan cerai ke Mahkamah Syariah. Berpandukan kepada prosedur yang ditetapkan, pemohon diminta mengisi borang permohonan untuk mendapatkan khidmat nasihat terlebih dahulu

Pemohon perlu mengisi butiran peribadi dan juga menandakan senarai pilihan 'punca permasalahan rumah tangga' yang disediakan bagi tujuan mendapatkan maklumat awal masalah selain bagi tujuan rekod statistik. Namun begitu permasalahan sebenar hanya akan dapat dikenal pasti setelah klien melalui proses kaunseling di mana penerokaan mendalam dilakukan.

Memahami isu permasalahan yang dialami oleh masyarakat setempat adalah penting dalam usaha untuk merangka intervensi dan juga perancangan jangka pendek dan panjang yang lebih berkesan bagi menghasilkan perubahan. Justeru, kajian ini secara khusus menganalisis masalah perkahwinan yang sering dilalui oleh pasangan Melayu di Kuching berdasarkan kepada data statistik yang diperolehi dari Jabatan Agama Islam Sarawak (2020) dalam tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2018 sehingga 2020. Adalah diharapkan dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi merancang pelbagai usaha dalam menangani dan mengurangkan permasalahan berkaitan perceraian rumah tangga di Kuching, Sarawak.

2. Sorotan Literatur

Banyak kajian berhubung isu dan permasalahan perkahwinan dilakukan di Malaysia. Dikatakan bahawa perceraian pada masa kini ada kaitan dengan proses urbanisasi di mana cara hidup moden banyak menjejaskan kualiti perkahwinan, menimbulkan cabaran baru dalam menyeimbangkan antara tanggungjawab kerja dan juga pengurusan

rumah tangga, mengurangkan toleransi antara keduanya dan menurunkan tahap kepuasan perkahwinan suami isteri (Tran Thi Minh Thi, 2016).

Pada masa yang sama, perubahan sosiobudaya seperti penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan, mempunyai pendapatan sendiri serta mampu membuat keputusan untuk menentukan kelangsungan perkahwinan juga menjadikan penerimaan terhadap perceraian semakin terbuka. Perceraian kini dilihat menjadi jalan keluar daripada kemelut permasalahan rumah tangga (Jones, 2021).

Pelbagai faktor yang menjadi punca utama kepada perceraian. Mahkamah Syariah Perlis merekodkan bahawa antara punca utama berlaku perceraian adalah kerana tiada persefahaman antara pasangan. Sebuah kajian yang dilakukan di Tawau Sabah pula mendapati bahawa pengabaian tanggungjawab merupakan faktor tertinggi penyumbang kepada perceraian (Majid & Zarif, 2015). Manakala di Kuala Lumpur pula, isu utama dalam perkahwinan adalah berpunca dari pengabaian tanggungjawab suami isteri (Bakar & Abdullah, 2008).

Dalam sebuah kajian kualitatif yang dilakukan berhubung punca perceraian dalam kalangan pasangan dewasa, pengkaji mendapati terdapat 5 tema utama yang menjadi punca utama perceraian iaitu kelonggaran pegangan agama, pengabaian tanggungjawab nafkah, penglibatan orang ketiga dan poligami, penyalahgunaan dadah dan juga penganiayaan dan penderaan (Rogayah Estar et al., 2021).

Kajian berhubung kepuasan perkahwinan turut menerangkan perkaitan antara kepuasan perkahwinan dengan perceraian. Wanita dikatakan mengalami penurunan kadar kepuasan perkahwinan yang lebih serius berbanding lelaki. Ini adalah disebabkan oleh ekspektasi berhubung tanggungjawab sebagai pengurus rumah tangga memberikan banyak tekanan dan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan suri rumah dan juga wanita bekerja (Ng et al., 2009). Penglibatan suami dalam melakukan kerja-kerja rumah didapati dapat mengurangkan gangguan emosi di pihak isteri ekoran dari bebanan kerja yang banyak. Hasil dari kajian ini juga mendapati bahawa isteri yang bekerja terutamanya cenderung berdepan dengan tekanan yang panjang dan berterusan disebabkan oleh lambakan kerja pejabat dan rumah yang banyak. Namun, penglibatan suami menjadi benteng pada tekanan dan seterusnya menghindari perkahwinan mereka dari konflik serta potensi perceraian (Putung & Basir, 2017).

Kajian ini secara tidak langsung menyokong dapatan bahawa punca perceraian di Malaysia adalah datang dari fenomena wanita bekerja. Kepenatan dan lambakan kerja di rumah menjejaskan kepuasan perkahwinan wanita (Jing et al., 2016) dan menjadi punca perselisihan bila isteri mendapati suami tidak memberikan kerjasama dalam pengurusan rumah tangga (Qian & Sayer, 2016).

Sebuah kajian berhubung pembuatan keputusan dalam kalangan pasangan suami isteri dwi pendapatan yang dilakukan di Malaysia juga mendapati bahawa terdapat 3 corak pembuatan keputusan berdasarkan kepada laras komitmen dari segi kewangan (Zaimah et al., 2015). Bagi keputusan yang melibatkan perbelanjaan yang besar dan komitmen yang tinggi, selalunya ia dilakukan oleh suami, manakala perbelanjaan yang melibatkan pengurusan dan keperluan harian dilakukan oleh isteri sementara keputusan yang melibatkan anak-anak sering kali dilakukan secara bersama (Zaimah et al., 2015). Ini menunjukkan tahap kerjasama yang tinggi dan juga kemampuan pasangan suami isteri memahami tugas dan peranan masing-masing dalam kehidupan berumah tangga.

Personaliti individu banyak mempengaruhi proses interaksi pasangan suami isteri. Sebuah kajian berhubung kaitan personaliti perfeksionalisma terhadap daya tindak dalam konteks perkahwinan (Nurraihan et al., 2016) mendapati bahawa seseorang yang mempunyai personaliti perfeksionisme positif atau adaptif akan mengambil pendekatan yang lebih berkesan sewaktu proses menyelesaikan masalah dan berkomunikasi secara konstruktif dengan pasangan berbanding individu yang mempunyai personaliti perfeksionisme maladaptif (Zaimah et al., 2015). Demikian juga pasangan yang mempunyai kesihatan mental yang optimum dan sokongan sosial dari masyarakat sekelilingnya didapati berupaya untuk mengendalikan konflik perkahwinan dengan baik (Nurraihan et al., 2016).

Sebagai kesimpulan, peningkatan kadar perceraian yang meningkat disumbangkan oleh pelbagai faktor termasuk perubahan sosioekonomi, faktor antara perseorangan dan juga faktor personaliti pasangan. Kesemua faktor ini saling berinteraksi semasa pasangan melalui pelbagai proses perkahwinan seperti pembuatan keputusan, komunikasi, resolusi konflik dan pengurusan tekanan yang kelak memberi impak pada kepuasan perkahwinan yang menentukan kesinambungan perkahwinan.

3. Metod Kajian

Sarawak baru-baru ini menyaksikan perubahan dari segi kehidupan berkeluarga penduduknya dan didapati ramai pasangan yang mengakhiri perkahwinan dengan perceraian. Pada masa yang sama, berlaku peningkatan juga dalam kadar pengaduan masalah rumah tangga yang difailkan di Jabatan Agama Islam Sarawak. Ianya seiring dengan peningkatan masalah sosial yang lain. Peningkatan kadar perceraian di Kuching terutamanya adalah lebih banyak berbanding dengan bahagian lain di negeri Sarawak. Untuk meneroka apakah isu dan masalah dalam perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching Sarawak, pengkaji menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data sekunder yang diperoleh adalah dari [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2020\)](#).

Analisis kandungan ditakrifkan sebagai sebarang teknik untuk membuat inferens dengan mengenal pasti ciri-ciri khusus mesej secara objektif. Analisis kandungan ialah alat yang berkuasa untuk membantu pengkaji meneliti maklumat tertentu yang terkandung dalam mana-mana dokumen bertulis. Analisis kandungan ialah teknik mengumpul dan menganalisis kandungan teks (Harwood & Garry, 2003).

Kandungan boleh berupa perkataan, makna, gambar, simbol, tema, mesej yang disampaikan, manakala teks ialah apa-apa yang ditulis, visual, atau lisan termasuk buku, akhbar, majalah, artikel, ucapan, dokumen rasmi atau laman web (Harwood & Garry, 2003). Perkara pertama yang dilakukan ialah mengenal pasti sumber arkib yang berkaitan, atau kumpulan bahan untuk dianalisis. Semua sumber arkib yang berkaitan ini dipilih secara bertujuan. Melalui pembacaan yang meluas mengenai bahan-bahan ini, tema tertentu dikenal pasti. Sehubungan itu, untuk tujuan kajian ini, pengkaji mendapatkan data statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga tahun 2018-2020 dari [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2020\)](#) bagi menganalisis kandungan data tersebut dan seterusnya mendapatkan tema-tema utama yang terkandung dalam data tersebut.

Jadual 1: Statistik Aduan Masalah Rumah Tangga, Kuching, Sarawak, Tahun 2018-2020

Aduan	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2020
Suami/isteri disyaki curang	172	466	363
Isteri tidak taat	73	198	144
Suami tidak bertanggungjawab	226	628	507
Suami/Isteri tinggalkan rumah	163	361	302
Suami/isteri cemburu	102	319	242
Keluar rumah tanpa izin	60	158	111
Suami abai nafkah	251	695	786
Campurtangan keluarga suami/isteri	78	218	189
Bengis/mendera	139	398	322
Masalah seksual	34	99	77
Isteri enggan dimadu	3	9	24
Suami ingin berpoligami	24	64	49
Suami/isteri masalah hutang	86	242	184
Suami/isteri masalah penagihan dadah/judi/arak/lain2.	98	617	502
Masalah agama	85	214	120
Tiada persefahaman antara pasangan dan lain -lain	231	561	841

Sumber: [Jabatan Agama Islam Sarawak \(2020\)](#)

4. Hasil Kajian

Daripada data statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga 3 tahun berturut-turut (2018 hingga 2020) dan juga laporan kes yang diperoleh, pengkaji meneliti dan mengenal pasti tema masalah rumah tangga yang dihadapi oleh pengadu-pengadu yang hadir ke Jabatan Agama Islam Sarawak. Berdasarkan daripada analisis tersebut, pengkaji membuat huraian berdasarkan pengalaman beliau sendiri sebagai Kaunselor yang mengendalikan proses kaunseling perkahwinan. Pandangan tersebut kemudian disertakan dengan sokongan dari kajian lepas.

Hasil analisis pengaduan masalah rumah tangga tahun 2018-2020 di Jabatan Agama Islam Sarawak, terdapat empat tema utama isu masalah rumah tangga yang dilaporkan.

4.1. Tema 1: Pengabaian nafkah dan tanggungjawab dalam kalangan suami

Pengabaian nafkah dan tanggungjawab dalam kalangan suami adalah penyumbang terbesar pada masalah rumah tangga sepanjang 3 tahun berturut-turut. Berdasarkan kepada statistik yang dipaparkan di atas, didapati masalah rumah tangga yang tertinggi dilaporkan adalah pengabaian nafkah dan diikuti oleh suami tidak bertanggungjawab. Aduan berhubung pengabaian nafkah oleh suami mencatatkan jumlah yang tertinggi pada tahun 2018, 2019 dan 2020 di mana masing-masing berjumlah 251 aduan, 695 aduan dan 786 aduan

Sementara itu aduan kedua tertinggi ialah berhubung suami tidak bertanggungjawab iaitu 226 aduan, 628 aduan dan 507 aduan masing-masing pada tahun 2018, 2019 dan 2020. Pada pendapat pengkaji, terdapat perbezaan antara 'tidak bertanggungjawab' dengan 'abai nafkah'. Tidak bertanggungjawab adalah satu kecuaiian yang lebih luas dan

menyeluruh dalam perkahwinan. Seperti mana yang banyak dilaporkan antaranya ialah suami tidak bekerja, sebaliknya hanya duduk di rumah tanpa mahu memikul tanggungjawab, malas dan tidak mengambil peduli kebajikan.

Manakala 'abai nafkah' pula ialah perbuatan yang melepaskan tanggungjawab kewangan ataupun perbelanjaan yang sepatutnya diberikan. Kadar dan kekerapan nafkah bukan saja sangat tidak sepadan dengan keperluan, malah juga tidak diberikan secara konsisten. Abai nafkah adalah sebahagian dari kecuaiian dalam menjalankan tanggungjawab. Namun dalam pengkategorian, kedua-dua aduan ini diasingkan kerana ada sesetengah isteri yang mendapati suami masih lagi menjalankan tanggungjawabnya yang lain seperti menjaga anak-anak dan membantu urusan rumah tangga kecuali tanggungjawab berhubung dengan nafkah.

Masalah pengabaian nafkah oleh suami sering kali disumbangkan oleh beberapa faktor antaranya, jumlah pendapatan yang terlalu rendah dalam kalangan suami, pengurusan kewangan yang tidak cekap dan juga komunikasi kewangan yang tidak jelas antara suami isteri. Tekanan kewangan mempunyai perkaitan secara tidak langsung dengan penilaian pasangan suami isteri terhadap perkahwinan dengan menggalakkan pertelingkahan dalam interaksi perkahwinan sekali gus menyekat tingkah laku mesra dan menyokong pasangan antara satu sama lain (Conger et al., 1990).

Sikap suami yang cuai dan melepaskan tanggungjawab mempengaruhi penilaian isteri terhadap suami dan kemudiannya kepuasan perkahwinan mereka (Harwood & Garry, 2003). Rasa kurang bahagia dan tekanan yang tinggi setiap hari menjadikan isteri lebih beremosi negatif dalam interaksi beliau dengan suami dan anak-anak (Testa & Leonard, 2001). Lama-kelamaan apabila isu ini tidak ditangani oleh suami, isteri merasakan perkahwinan ini tidak berbaloi untuk diteruskan. Menurut Teori Pertukaran Sosial, tanggungjawab perkahwinan yang sepatutnya dipikul bersama sebaliknya jika hanya seorang melakukannya boleh menimbulkan rasa tidak adil untuk beliau terus kekal dalam hubungan tersebut kerana tidak mendapat manfaat seperti yang diharapkan (Nakonezny & Denton, 2008).

Kesempitan hidup memberi kesan jangka panjang yang serius pada kesejahteraan keluarga. Antaranya ialah konflik suami isteri yang berterusan, tekanan emosi, peningkatan kadar perceraian, perkahwinan yang porak peranda, penderaan dan masalah sosial dan pengabaian anak-anak (Allen & Finkelstein, 2014; Forste & Heaton, 2004; Tuttle & Davis, 2015). Memandangkan kedudukan isteri dalam masyarakat Melayu dari segi peranannya banyak bergantung pada kebenaran dan persetujuan suami dalam pembuatan keputusan, pergerakan dan juga tindakan, maka keadaan kesempitan wang banyak memberikan tekanan emosi yang lebih pada isteri dan mempengaruhi penilaian beliau pada suami secara khusus dan kepuasan perkahwinan secara amnya (Kanter & Proulx, 2020). Membuat keputusan untuk bercerai adalah jalan terakhir bagi isteri apabila beliau mendapati tiada sebarang inisiatif diambil oleh suami ataupun apabila mendapati konflik menjadi semakin memudaratkan emosi, mental dan fizikal beliau dan anak-anak. Memohon cerai adalah tindakan akhir untuk merungkai masalah tersebut

4.2. Tema 2: Resolusi konflik yang tidak berkesan sebagai faktor menjejaskan lagi hubungan perkahwinan

Tema kedua dari kajian ini mendapati pasangan suami isteri banyak menggunakan teknik resolusi konflik yang negatif semasa berdepan dengan isu rumah tangga mereka.

Resolusi negatif termasuklah mengamuk hingga hilang kawalan, keakuran atau menurut saja tanpa bantahan, menarik diri dari terus berinteraksi dan mengelak dari pasangan. Ini dapat dilihat pada data berhubung 'bengis mendera', 'tinggalkan rumah', 'keluar rumah tanpa izin', 'isteri tidak taat' dan juga 'campur tangan keluarga'. Pengaduan tentang sikap 'bengis' dan perbuatan 'mendera' banyak dilaporkan iaitu sebanyak 139 aduan pada tahun 2018, kemudian meningkat pada tahun 2019 sebanyak 398 aduan dan sedikit menurun pada tahun 2020 iaitu sebanyak 322 aduan. Dalam erti kata lain, semasa mendepani konflik suami isteri, suami banyak menggunakan kekerasan fizikal dan verbal, mengelak atau menarik diri dari menyelesaikan konflik dengan cara meninggalkan rumah (ini turut dilakukan oleh pihak isteri) dan melibatkan campur tangan dari keluarga.

Gaya penyelesaian konflik yang digunakan oleh pasangan boleh memberi kesan kepada kepuasan perkahwinan. Sebagai contoh, pendekatan kasar (*volatile*) semasa berdepan dengan konflik menjejaskan kepuasan perkahwinan si suami dan ini kemudiannya memberi kesan pada penilaian kepuasan perkahwinan isteri. Sementara itu, pendekatan menerima (*validate*) dan mengelak (*avoidance*) pula menjejaskan penilaian isteri terhadap kepuasan perkahwinannya sendiri. Akibatnya penilaian tersebut memberi kesan pula kepada penilaian suami terhadap kepuasan perkahwinannya (Delatorre & Wagner, 2018). Dalam erti kata lain, isteri yang menilai perkahwinannya tidak membahagiakan cenderung bertindak laku dalam bentuk yang memberi kesan negatif kepada suaminya.

Perkahwinan yang rendah kepuasan perkahwinan sentiasa berada dalam keadaan tegang, kerap bertengkar, bermasam muka, kurang kemesraan dan kurang intimasi (Schneewind & Gerhard, 2002). Dalam budaya Melayu (Islam), suami adalah ketua rumah tangga, mempunyai kuasa dalam membuat keputusan dan pada masa yang sama mempunyai tanggungjawab besar dalam perkahwinan. Isteri pula dijangka oleh masyarakat agar sentiasa tunduk, patuh serta taat pada suami (Din et al., 2014). Dalam keadaan suami tidak bertanggungjawab dan isteri pula berada dalam posisi yang mempunyai kurang kuasa berbanding dengan suami cenderung untuk menggunakan taktik paksaan untuk memberi pengaruh, mencapai perubahan yang diinginkan dan membetulkan ketidakseimbangan kuasa (Overall et al., 2016). Dalam keadaan terdesak, isteri kerap menjadi lebih agresif semasa membincangkan masalah dengan suami. Mereka menekan, mengungkit kesalahan, menuding jari, mengkritik kelemahan suami berulang kali hingga menyebabkan suami hilang sabar dan melakukan kekerasan ke atas isteri (Huston & Vangelisti, 1991).

'Isteri tidak taat' merujuk pada aduan suami yang mendapati isteri tidak lagi memberikan kerjasama atau menjalankan kewajipan yang ditetapkan dalam Islam. Dalam satu aspek keadaan ini muncul apabila pasangan mempunyai banyak isu yang bercanggah dan gagal mencapai kesepakatan dalam menanganinya. Konflik dan tekanan yang panjang mendorong isteri untuk melepaskan diri dari tanggungjawab beliau. Dalam Islam, salah satu kewajipan isteri adalah mentaati suaminya. Ini bagi tujuan pemeliharaan perkahwinan itu sendiri agar memudahkan suami untuk mentadbir perkahwinannya (Bakar & Abdullah, 2008). Namun begitu pengecualian diberikan selagi apa yang dilakukan oleh suami itu tidak bertentangan dengan hukum syarak. Apabila isteri tidak lagi mahu mentaati suaminya ia menunjukkan wujud konflik di mana pasangan tidak lagi mempunyai kesepakatan dalam hala tuju, perancangan dan tindakan (Hassan & Cederroth, 2012). Keengganan isteri untuk bekerjasama dengan suami mempunyai kaitan rapat dengan strategi pasangan menangani isu rumah tangga mereka

dan bentuk komunikasi yang digunakan. Sebagai contoh, kebanyakan pasangan yang mempunyai kepuasan perkahwinan yang rendah kerap menggunakan pendekatan bersemuka (*confronting*) dan pihak satu lagi pula melarikan diri dari perbincangan. Keadaan ini membuatkan masalah tidak selesai dan pasangan semakin tertekan dan berputus asa dari terus memberikan kerjasama. Kajian oleh Wanic dan Kulik (2011) mendapati pasangan cenderung menggunakan keganasan fizikal dan verbal atau menarik diri (*withdrawal*) apabila berhadapan dengan konflik. Mereka yang menggunakan keganasan fizikal didapati kurang kemahiran menyelesaikan masalah yang betul. Tambahan pula, kepuasan didapati paling rendah apabila pasangan meningkat atau mengelakkan konflik mereka (Wanic & Kulik, 2011).

Pendekatan negatif lain yang digunakan oleh suami isteri semasa mendepani konflik dengan pasangan antaranya juga adalah meninggalkan rumah. Jika dilihat pada data statistik yang menunjukkan kepada aduan 'meninggalkan rumah' didapati paten yang hampir sama jumlahnya dilakukan oleh suami dan isteri. Erti kata lain, meninggalkan rumah adalah sebagai satu pendekatan dalam strategi resolusi konflik seperti yang dinyatakan oleh Gottman '*confront vs withdrawal*' (Zukauskiene & Gottman, 2018). Sama ada mereka tiada kemahiran untuk berbincang ataupun boleh jadi ia adalah salah satu cara untuk mengelak daripada perkara yang lebih buruk berlaku semasa berlaku pertengkaran dengan isteri. Walaupun ia dilihat sebagai cara yang lebih selamat berbanding dengan menggunakan kekasaran fizikal, namun ia tetap dilihat sebagai pendekatan yang kurang berkesan dalam usaha menangani isu dan konflik perkahwinan (Li et al., 2019). Pendekatan ini juga diambil bila keadaan sudah menjadi terlalu tegang dan pasangan memerlukan ruang dan jarak untuk bertenang dan menilai kembali hubungan. Namun begitu, kebanyakan pasangan meninggalkan rumah kelamin terlalu lama dan kembali ke rumah orang tua. Keadaan ini kemudiannya sering kali mengundang masalah lain iaitu campur tangan keluarga

4.3. Tema 3: Kecurangan sebagai implikasi daya tindak negatif menangani isu rumah tangga

Kecurangan merupakan aduan yang agak tinggi dalam statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga di Kuching selama 3 tahun berturut-turut. Definisi yang biasa digunakan dalam penyelidikan kecurangan boleh dikelompokkan dalam tiga kategori: (a) kecurangan melibatkan persetubuhan, (b) kecurangan dalam bentuk aktiviti seksual yang berbalas, dan (c) kecurangan sebagai pengkhianatan emosi (Moller & Vossler, 2015). Kecurangan dapat diterangkan melalui dua dimensi dari segi sistemik dan juga dari aspek tempoh masa (*temporal*) bagaimana kecurangan itu berpotensi untuk berlaku. Kecurangan boleh disumbangkan oleh kriteria yang ada pada pasangan suami isteri dan juga ciri-ciri yang ada pada perkahwinan itu sendiri. Sebagai contoh, suami isteri yang sudah tidak lagi mengambil berat tentang keperluan emosi dan kualiti seksual terhadap pasangan masing-masing membuka ruang berlakunya kecurangan. Demikian juga ciri-ciri perkahwinan yang mana sentiasa berada dalam keadaan ketegangan, kurang intim dan tiada lagi interaksi boleh menjadi faktor pendorong kepada kecurangan.

Menurut data kajian ini, isu kecurangan meningkat setiap tahun. Pada tahun 2018 sebanyak 172 aduan dilaporkan, kemudian meningkat pada 466 aduan pada tahun 2019 dan seterusnya 363 aduan pada tahun 2020. Jumlah ini mengambil kira aduan dari pihak suami dan isteri sekali gus.

Kecurangan berpotensi untuk berlaku apabila perkahwinan sudah mula tidak memberikan kepuasan dan kebahagiaan kepada pasangan (Treas & Giesen, 2000). Demikian juga kecurangan berpotensi untuk berlaku pada dalam perkahwinan yang mempunyai banyak masalah yang berterusan. Individu yang berada dalam perkahwinan yang bermasalah akan menggunakan daya tindak yang sesuai dalam usahanya mengurangkan tekanan akibat dari masalah yang berterusan (Needle et al., 2006).

Daya tindak diadik merujuk kepada bagaimana pasangan menyokong satu sama lain atau bersama-sama menangani tekanan. Bagaimana pasangan itu bertindak secara berdua mempunyai kaitan dengan kefungsiian dan kepuasan perkahwinan (Vedes et al., 2016). Pasangan yang menghadapi dan menangani masalah bersama secara positif didapati lebih berpuas hati dengan kualiti perkahwinan berbanding dengan pasangan yang menghadapi masalah secara sendirian ataupun diadik negatif.

Antara pendekatan yang kerap diambil ialah mendepani dan berbincang tentang isu tersebut, mengelak atau menarik diri (Herzberg, 2013). Namun bagi perkahwinan yang bermasalah dan tertekan, pendekatan yang selalu diambil adalah mengelak dan melarikan diri dari menyelesaikan masalah tersebut. Sebagai contoh, salah seorang cenderung keluar melepak dengan kawan-kawan, mendekati individu lain yang dilihat lebih menyenangkan, balik ke rumah orang tua, larikan diri dari rumah ataupun mengalihkan perhatian dengan bermain *game* atau telefon bimbit, tenggelamkan diri dengan berbual secara *online* dengan orang lain dan sebagainya. Medium interaksi di media sosial ini banyak membuka ruang permulaan kepada kecurangan (Abbasi, 2019; Cravens et al., 2013). Pada masa yang sama juga menyebabkan masalah tidak selesai, menambahkan tekanan pada satu pihak lagi serta menjejaskan hubungan dalam perkahwinan untuk jangka panjang.

Pasangan suami isteri yang mengaplikasikan daya tindak negatif seperti memarahi pasangan dengan mengherdik dan membangkitkan kesalahan lalu, menghina dan menyalahkan pasangan sebagai cara mengalihkan fokus daripada isu sebenar kepada isu lain yang tidak berkaitan (Heinz, 1998). Kesemua ini menerangkan tentang peningkatan aduan berhubung 'kecurangan' pasangan, 'isteri tidak taat', 'suami tinggalkan rumah' dan 'isteri keluar rumah tanpa izin'.

4.4. Tema 4: Masalah penagihan dan juga hutang dalam kalangan suami

Aduan tentang isu penagihan dalam dilaporkan meningkat mendadak antara tahun 2018 ke 2019 tahun di mana pada tahun 2018 sebanyak 98 kes, meningkat sebanyak 519 kes pada tahun 2019 menjadikan jumlah pengaduan oleh isteri berhubung penagihan suami adalah 617 kes dan pada 2020 menurun kepada 502 kes. Pengelasan isu penagihan ini merangkumi penagihan dadah, judi dan juga arak.

Isu penagihan mempunyai kaitan dengan keberhutangan dan juga isu nafkah. Ia juga memberi kesan secara langsung kepada tekanan yang dialami isteri serta konflik dalam rumah tangga (Lu et al., 2021). Suami yang menagih kebanyakannya mengambil syabu dan ganja yang kemudiannya memberi kesan pada fungsi otak. Si penagih yang mengambil syabu juga mempunyai lonjakan tenaga yang berlebihan hingga mereka kekal bertenaga dan tidak tidur dalam beberapa hari (Kuypers et al., 2020). Namun apabila kesan syabu menyusut, si penagih akan tidur berterusan selama berhari-hari. Mereka juga menjadi sangat sensitif, mudah marah dan mempunyai tanggapan negatif terhadap niat di sebalik tindakan orang lain. Isteri yang mengadu suami mereka menagih syabu

kerap kali melaporkan bahawa suami mereka agresif sama ada dari segi verbal dan tingkah laku, cemburu dan berprasangka serta malas bekerja mahupun membantu menguruskan kerja-kerja rumah (Yahya, 2014). Demikian juga dengan isu penagihan arak dan judi yang pada mulanya menjadi strategi untuk mendepani tekanan harian yang akhirnya menjadi tabiat yang sukar dihentikan.

Suami yang mengalami isu penagihan yang serius kebanyakannya tidak bekerja disebabkan keadaan mereka yang kurang stabil dari segi pemikiran, disiplin pengurusan masa dan juga masalah tingkah laku dengan orang lain. Mereka mendapatkan bekalan wang dengan cara meminta dari isteri, keluarga ataupun dengan cara berhutang dengan pemiutang tidak berlesen. Tindakan mereka sering kali mendatangkan bahaya kepada isteri dan keluarga yang lain. Bila mana gagal menjelaskan hutang, pemiutang akan datang ke rumah membuat ugutan kepada ahli keluarga yang lain agar mengingatkan suami agar menjelaskannya. Ini memberikan rasa takut dan tidak selamat ke atas keluarga. Kebanyakan isteri pada mulanya cuba memberi peluang agar suami berubah, namun semakin masa berlalu permasalahan yang ditimbulkan oleh suami semakin melarat dan serius. Ini mendorong isteri untuk mengambil tindakan dan membuat pengaduan ke Jabatan Agama Islam bagi tujuan permohonan cerai.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kepada Statistik Pengaduan Masalah Rumah tangga sepanjang 3 tahun berturut-turut (2018 hingga 2020) didapati terdapat beberapa bentuk aduan yang meningkat secara konsisten iaitu 'Tidak bertanggungjawab', 'Abai Nafkah', 'Disyaki Curang', 'Bengis Mendera', 'Tinggalkan rumah', 'Masalah Penagihan- dan 'Tidak taat'. Ini bermakna, isu-isu yang dinyatakan ini menjadi fenomena yang semakin menguasai menjadi kebiasaan dalam perkahwinan masyarakat setempat. Setiap isu ini perlu dilihat sebagai saling berkaitan dan menyumbang antara satu sama lain memandangkan perkahwinan adalah bersifat sistemik di mana tindakan seseorang dalam perkahwinan memberi kesan kepada pasangannya dari segi mental, emosi dan tingkah laku. Banyak masalah timbul ekoran dari sikap dan tindakan yang tidak adaptif, bentuk komunikasi, pendekatan yang digunakan pasangan dalam usaha menyelesaikan masalah, cara pengurusan tekanan personal dan berpasangan serta resolusi konflik yang merosakkan di samping kesedaran yang rendah berhubung tanggungjawab sebagai suami isteri. Maka dengan ini disarankan agar intervensi berbentuk program kekeluargaan dan pasca perkahwinan yang menumpukan pada kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, pengurusan emosi dan konflik perkahwinan diadakan secara lebih tersusun dan strategik kepada masyarakat terutamanya pasangan yang bakal berkahwin, baru berkahwin dalam tempoh 5 hingga 10 tahun yang sedang melalui proses penyesuaian dalam konteks perkahwinan.

Begitu juga penekanan serius hendaklah diberikan pada aspek pelaksanaan tanggungjawab, akhlak terhadap suami isteri serta pendedahan berhubung perundangan bagi menyediakan pasangan dengan maklumat yang berkaitan dengan kesalahan pengabaian tanggungjawab serta penganiayaan terhadap pasangan. Penekanan terhadap penyertaan lelaki sangat perlu diambil serius kerana kebanyakan masalah aduan rumah tangga banyak dilakukan terhadap suami berbanding isteri. Tambahan pula banyak kajian mendapati bahawa kepuasan perkahwinan isteri mempunyai kaitan secara positif terhadap persepsi mereka terhadap suami. Memberi pendidikan, kesedaran tanggungjawab dan juga kemahiran asas berhubung komunikasi berkesan, pendekatan menangani konflik secara positif serta pemahaman berhubung interaksi suami isteri

dijangka boleh mengurangkan konflik suami isteri sekaligus mengawal tahap kepuasan perkahwinan keduanya pada paras optimum.

Kajian berbentuk analisis kandungan ini banyak bergantung kepada tafsiran pengkaji yang berpengalaman sebagai kaunselor perkahwinan di Jabatan Agama Islam Sarawak. Ia mungkin tidak menggambarkan secara tepat permasalahan sebenar perkahwinan pasangan masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Dicadangkan agar kajian berbentuk kualitatif yang meneroka pengalaman perkahwinan pasangan suami isteri di Kuching, Sarawak diadakan bagi menyokong hasil dapatan kajian ini.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam penulisan artikel ini terutamanya kepada Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling, Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching.

Kewangan

Kajian ini tidak mendapat pembiayaan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan

Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abbasi, I. S. (2019). Social media addiction in romantic relationships: Does user's age influence vulnerability to social media infidelity? *Personality and Individual Differences*, 139(October 2018), 277–280. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2018.10.038>
- Ahmad, A. (1996). Work-family conflict among married professional women in malaysia. *Journal of Social Psychology*, 136(5), 663–665. <https://doi.org/10.1080/00224545.1996.9714054>
- Alesia Hanzal. (2008). *The role of enduring vulnerabilities and coping in adjusting to marital stress*. 49, 69–73.
- Allen, T. D., & Finkelstein, L. M. (2014). Work-family conflict among members of full-time dual-earner couples: An examination of family life stage, gender, and age. *Journal of Occupational Health Psychology*, 19(3), 376–384. <https://doi.org/10.1037/a0036941>
- Anderson, J. R., Van Ryzin, M. J., & Doherty, W. J. (2010). Developmental trajectories of marital happiness in continuously married individuals: A group-based modeling approach. *Journal of Family Psychology*, 24(5), 587–596. <https://doi.org/10.1037/a0020928>
- Bakar, M. Z. A., & Abdullah, W. A. R. K. W. (2008). Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh. *Rekayasa, Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 35–52.
- Becker, G. S. (1974). A Theory of Marriage Part 2. In *Economics of the Family Marriage Children and Human Capital: Vol. I* (Issue 4). <https://doi.org/10.2307/2780254>
- Birditt, K. S., Hope, S., Brown, E., & Orbuch, T. (2012). Developmental Trajectories of

- Marital Happiness Over 16 Years. *Research in Human Development*, 9(2), 126–144. <https://doi.org/10.1080/15427609.2012.680844>
- Conger, R. D., Elder, G. H., Lorenz, F. O., Conger, K. J., Simons, R. L., Whitbeck, L. B., Huck, S., & Melby, J. N. (1990). Linking Economic Hardship to Marital Quality and Instability. *Journal of Marriage and the Family*, 52(3), 643. <https://doi.org/10.2307/352931>
- Cravens, J. D., Leckie, K. R., & Whiting, J. B. (2013). Facebook Infidelity: When Poking Becomes Problematic. *Contemporary Family Therapy*, 35(1), 74–90. <https://doi.org/10.1007/s10591-012-9231-5>
- Forste, R., & Heaton, T. B. (2004). The divorce generation: Well-being, family attitudes, and socioeconomic consequences of marital disruption. *Journal of Divorce and Remarriage*, 41(1–2), 95–114. https://doi.org/10.1300/J087v41n01_06
- Hamid, R. A., & Amin, S. M. (2014). Work-family conflict and work-family enrichment and their consequences in Malaysia. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 19(5), 729–733. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.19.5.21020>
- Harwood, T. G., & Garry, T. (2003). An Overview of Content Analysis. *The Marketing Review*, 3(4), 479–498.
- He, Q., Zhong, M., Tong, W., Lan, J., Li, X., Ju, X., & Fang, X. (2018). Forgiveness, marital quality, and marital stability in the early years of Chinese marriage: An actor-partner interdependence mediation model. *Frontiers in Psychology*, 9(SEP), 1–11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.01520>
- Heinz, W. M. (1998). *Coping with severe marital stressors*. 274.
- Herzberg, P. Y. (2013). Coping in relationships: The interplay between individual and dyadic coping and their effects on relationship satisfaction. *Anxiety, Stress and Coping*, 26(2), 136–153. <https://doi.org/10.1080/10615806.2012.655726>
- Jabatan Agama Islam Sarawak (2020). Data Statistik Permohonan Khidmat Nasihat & Kaunseling Tahun 2018-2020.
- Jing, C. L., Du, J. L. D., & Brough, P. A. (2016). Crossover effects of work-family conflict among chinese couples. *Journal of Managerial Psychology*, 31(1), 6–7.
- Jones, G. W. (2021). Divorce in Malaysia: Historical trends and contemporary issues. *Institutions and Economies*, 13(4), 35–60. <https://doi.org/10.22452/IJIE.vol13no4.2>
- Kanter, J. B., & Proulx, C. M. (2020). Understanding the Early Years of Socioeconomically Disadvantaged Couples' Marriages. *Family Process*, x(x), 1–17. <https://doi.org/10.1111/famp.12602>
- Lavner, J. A., & Bradbury, T. N. (2010). Patterns of change in marital satisfaction over the newlywed years. *Journal of Marriage and Family*, 72(5), 1171–1187. <https://doi.org/10.1111/j.1741-3737.2010.00757.x>
- Liana Mat Nayan, Siti Suraiyani Othman, Afi Roshezry Abu Bakar, Audrey Anak John, Norazimah Abd Rashid, & Nor Ez-Zatul Hanani Mohamed Rosli, . (2016). Sikap Semasa Konflik : Langkah Awal Ke Arah Perceraian ? *Sains Insani*, 01(01), 30–35. <http://sainsinsani.com/issues/>
- Majid, M. A., & Zarif, M. S. (2015). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di Negeri Selangor (Trend and marriage divorce factor in Selangor from 2011-2015). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 40–53.
- Moller, N. P., & Vossler, A. (2015). Defining infidelity in research and couple counseling: A qualitative study. *Journal of Sex and Marital Therapy*, 41(5), 487–497. <https://doi.org/10.1080/0092623X.2014.931314>
- Musthapar, N. F., Azahari, R. H., & Ahmad, B. (2020). Sakinah , Mawaddah and Rahmah in Husband-Wife Relationship : A Literature Review. *Jurnal Syariah*, 1(28), 81–104.
- Nakonezny, P. A., & Denton, W. H. (2008). Marital relationships: A social exchange theory

- perspective. *American Journal of Family Therapy*, 36(5), 402–412. <https://doi.org/10.1080/01926180701647264>
- Needle, R. H., Comeau, J. K., McCubbin, H. I., Cauble, A. E., Patterson, J. M., & Joy, C. B. (2006). Family Stress and Coping: A Decade Review. *Journal of Marriage and the Family*, 42(4), 855. <https://doi.org/10.2307/351829>
- Ng, K. M., Loy, J. T. C., Gudmunson, C. G., & Cheong, W. (2009). Gender differences in marital and life satisfaction among chinese malaysians. *Sex Roles*, 60(1–2), 33–43. <https://doi.org/10.1007/s11199-008-9503-6>
- Nor Zatu Amni, M., Normi, A. M., Sofia, S., & Nazrul Affandi, J. (2019). Sustaining The Islamic Marriage Institution In Malaysia: Lessons From Quranic Stories. *Al-Shajarah*, 24(1).
- Nurraihan, S., Binti, F., Razak, A., Hoesni, S. M., Ismail, R., & Zakaria, E. (2016). Pengaruh Personaliti Perfeksionisme Terhadap Daya Tindak Diadik dalam Perkahwinan : Suatu Kertas Konsep. *Asian Social Work Journal*, 1(1), 30–36.
- O'Meara, M. S., & South, S. C. (2019). Big Five personality domains and relationship satisfaction: Direct effects and correlated change over time. *Journal of Personality*, 87(6), 1206–1220. <https://doi.org/10.1111/jopy.12468>
- Putung, S. H., & Basir, D. H. A. (2017). Penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah tangga : Kajian kes di Sabah. *Jurnal Fiqh*, 14(14), 1–26.
- Qian, Y., & Sayer, L. C. (2016). Division of Labor, Gender Ideology, and Marital Satisfaction in East Asia. *Journal of Marriage and Family*, 78(2), 383–400. <https://doi.org/10.1111/jomf.12274>
- Randawar, D. K., & Jayabalan, S. (2018). The Definition of Domestic Violence in Malaysia: A Cross-National Comparison. *Akademika*, 88(3), 77–89.
- Razak, S. N. F. A., Hoesni, S. M., Zakaria, E., & Ismail, R. (2015). The Role of Dyadic Coping to Marital Quality – The Conceptual Paper. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 211, 911–916. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.120>
- Rogayah Estar, M., Elmi, B., Noorazeen, R., Nurul Ashiqin, J., & Nur Filzahruz, M. S. (2021). *Punca Perceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana*. 26(2).
- Shuib, R., Endut, N., Ali, S. H., Osman, I., Abdullah, S., Oon, S. W., Ghani, P. A., Prabakaran, G., Hussin, N. S., & Shahrudin, S. S. H. (2013). Domestic Violence and Women's Well-being in Malaysia: Issues and Challenges Conducting a National Study Using the WHO Multi-country Questionnaire on Women's Health and Domestic Violence Against Women. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 91, 475–488. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.08.445>
- Tam, C. L., Lee, T. H., Foo, Y. C., & Lim, Y. M. (2011). Communication skills, conflict tactics and mental health: A study of married and cohabitating couples in Malaysia. *Asian Social Science*, 7(6), 79–87. <https://doi.org/10.5539/ass.v7n6p79>
- Testa, M., & Leonard, K. E. (2001). The impact of marital aggression on women's psychological and marital functioning in a newlywed sample. *Journal of Family Violence*, 16(2), 115–130. <https://doi.org/10.1023/A:1011154818394>
- Tran Thi Minh Thi. (2016). Prevalence and Patterns of Divorce in Vietnam: Tradition, Modernity, and Individualism. *Journal of Literature and Art Studies*, 6(3), 298–316. <https://doi.org/10.17265/2159-5836/2016.03.010>
- Treas, J., & Giesen, D. (2000). Sexual infidelity among married and cohabiting Americans. *Journal of Marriage and Family*, 62(1), 48–60. <https://doi.org/10.1111/j.1741-3737.2000.00048.x>
- Tuttle, J. D., & Davis, S. N. (2015). Religion, Infidelity, and Divorce: Reexamining the Effect of Religious Behavior on Divorce Among Long-Married Couples. *Journal of Divorce and Remarriage*, 56(6), 475–489.

- <https://doi.org/10.1080/10502556.2015.1058660>
- Vedes, A., Hilpert, P., Nussbeck, F. W., Randall, A. K., Bodenmann, G., & Lind, W. R. (2016). Love styles, coping, and relationship satisfaction: A dyadic approach. *Personal Relationships, 23*(1), 84–97. <https://doi.org/10.1111/pere.12112>
- Wanic, R., & Kulik, J. (2011). Toward an Understanding of Gender Differences in the Impact of Marital Conflict on Health. *Sex Roles, 65*(5), 297–312. <https://doi.org/10.1007/s11199-011-9968-6>
- Yusof, S. A., & Duasa, J. (2010). Household decision-making and expenditure patterns of married men and women in Malaysia. *Journal of Family and Economic Issues, 31*(3), 371–381. <https://doi.org/10.1007/s10834-010-9200-9>
- Zaimah, R., Sarmila, M. ., Azima, A. ., Suhana, S., Aznie, C. R. R., & Novel, L. (2015). Pembuatan Keputusan Kewangan Pasangan Melayu : Hubungan Antara Kuasa Dan Sumber. *Journal of Social Sciences and Humanities, 10*(2), 160–171.